




PELAN TINDAKAN KHAS BANDAR

DENAI KEBANGSAAN PARIT SRI MOLEK

BATU PAHAT, JOHOR





Pelan Tindakan Khas Bandar DENAI KEBANGSAAN PARIT SRI MOLEK

Disediakan oleh
Pejabat Projek Zon Selatan
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
OGOS 2024

PRAKATA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) melalui Pejabat Projek Zon Selatan telah berjaya menyediakan Pelan Tindakan Khas Denai Kebangsaan Parit Sri Molek, Batu Pahat. Pelan Tindakan Khas (PTK) ini adalah sebagai panduan dan *'follow through exercise'* cadangan-cadangan projek atau program yang telah dirancang di dalam dokumen Kajian Pelan Induk Landskap Majlis Perbandaran Batu Pahat 2023-2033 yang telah dilancarkan pada 4hb Disember 2023.

Pembangunan berkonsepkan bandar rendah karbon serta aspek pengurusan risiko dan perancangan bandar berdaya tahan bencana adalah salah satu pendekatan yang telah diambil kira di dalam penyediaan PTK ini untuk menyelesaikan isu-isu perbandaran bagi meningkatkan kualiti kesihatan, kehidupan, kebahagiaan dan membangunkan persekitaran yang mampan dan selamat. PTK ini juga merupakan dokumen sokongan bagi memudahkan permohonan peruntukan projek oleh agensi pelaksana yang dikemukakan sama ada di peringkat Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua jabatan dan agensi yang terlibat di dalam penyediaan PTK ini. Semoga PTK ini menjadi panduan yang komprehensif dan berguna dalam merealisasikan pelaksanaan pembangunan Denai Kebangsaan Parit Seri Molek. Menjadi harapan saya agar kerjasama yang berterusan dapat dibina bagi mewujudkan perancangan yang mampan bagi mencapai Malaysia Makmur, Berdaya Huni dan Sejahtera.



YBhg. DATUK TPr Dr. ALIAS BIN RAMELI
KETUA PENGARAH
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN
DESA (PLANMalaysia)

ISI KANDUNGAN

1	PENGENALAN	1.1 Pengenalan ----- 1	1
		1.2 Matlamat dan Objektif ----- 2	2
		1.3 Skop Projek ----- 2	2
2	PROFIL TAPAK CADANGAN	2.1 Lokasi Tapak Cadangan ----- 5	5
		2.2 Keadaan Semasa Tapak ----- 6-8	6-8
		2.3 Penanda Arasl <i>Benchmarking</i> ----- 9	9
3	KONSEP PEMBANGUNAN	3.1 Konsep Pembangunan ----- 13	13
		3.2 Perincian Cadangan Denai Kebangsaan (DK) ----- 14-24	14-24
		3.3 Perincian Reka Bentuk Komponen ----- 25-27	25-27
4	ANGGARAN KOS PEMBANGUNAN	4.1 Anggaran Kos Keseluruhan ----- 31-34	31-34
		5.1 Pelaksanaan Projek ----- 37	37
5	MEKANISMA PELAKSANAAN	6.1 Kesimpulan ----- 41	41
		6.2 <i>Way Forward</i> ----- 42	42
		6.3 Lampiran ----- 43-52	43-52
6	KESIMPULAN		




1

LATAR BELAKANG PROJEK

1.1 PENGENALAN

Pelan Tindakan Khas Bandar (PTKB) Denai Kebangsaan (DK) Parit Sri Molek, Batu Pahat, Johor merupakan satu inisiatif Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) melalui Pejabat Projek Zon Selatan dalam membantu Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) mempercepatkan pelaksanaan Pelan Tindakan Pembangunan Landskap yang dinyatakan dalam Kajian Pelan Induk Landskap Majlis Perbandaran Batu Pahat 2023-2033 demi memenuhi hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebagai 'Negara Taman Terindah' serta negara yang mampan dan sejahtera. Pelaksanaan Denai Kebangsaan Parit Sri Molek ini juga dapat menyokong sasaran pembinaan 10,000 km denai tepi sungai sebagai kawasan rekreasi awam menjelang tahun 2030 dan sebagai langkah pencegahan pencemaran.




Parit Sri Molek Batu Pahat



1.2 MATLAMAT DAN OBJEKTIF

Merancang dan melaksanakan pemudah cara bagi projek Denai Kebangsaan Parit Sri Molek Batu Pahat selaras dengan Pembangunan landskap setempat yang mampan disamping menyumbang kepada Pembangunan persekitaran yang selesa, indah dan selamat



Mewujudkan rasa tanggungjawab bersama (*Shared Responsibility*) di kalangan pelbagai pihak.

Merangsang aktiviti yang berteraskan ekonomi seperti ekopelancongan Sungai (river eco-tourism);

Memastikan kelestarian dan keindahan sungai sekali gus mengawal aktiviti yang boleh menyebabkan pencemaran;

Menggalakkan aktiviti berasaskan alam (*nature based activities*) di kalangan komuniti setempat; dan

1.3 SKOP PROJEK



Mengenal pasti lokasi yang telah ditetapkan dalam Pelan Induk Landskap MPBP 2023-2033 sepanjang Parit Sri Molek



Menyediakan kesesuaian cadangan reka bentuk, ilustrasi dan komponen bagi pengindahan sepanjang Parit Sri Molek



Menyediakan kos pembangunan selaras dengan perincian dan kaedah pelaksanaan kepada agensi-agensi yang terlibat






2

PROFIL TAPAK CADANGAN

2.1 LOKASI TAPAK CADANGAN

Lokasi tapak cadangan terletak di dalam Daerah Batu Pahat. Keseluruhan Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) adalah seluas 92,326 hektar. Lokasi cadangan ini terletak rizab Parit Sri Molek dari Jalan Bedara hingga ke kawasan Jalan Timan Sari



2.2 KEADAAN SEMASA TAPAK

Tapak Cadangan Pelan Tindakan Khas Bandar Denai Kebangsaan Parit Sri Molek adalah sepanjang 2.5 km. Sepanjang rizab tersebut telah dibina tebing konkrit kiri dan kanan bagi mengelak hakisan. Hasil tinjauan tapak terdapat kawasan yang telah dibangunkan dengan kemudahan-kemudahan sedia ada seperti laluan pejalan kaki, kerusi konkrit untuk istirehat dan kawasan riadah yang dilengkapi alat permainan kanak-kanak dan senaman iaitu di sepanjang Jalan Bedara (Fasa 1). Namun bagi Fasa 2, 3 dan 4 masih belum ada pembangunan untuk kemudahan rekreasi.



2.3 PENANDA ARAS/ *BENCHMARKING*

Penanda aras penting untuk menentukan hala tuju penyediaan perancangan projek di mana contoh-contoh terbaik boleh dijadikan asas dan rujukan sebelum melaksanakan projek. Berikut merupakan contoh-contoh yang boleh dijadikan penanda aras dalam penyediaan projek Denai Kebangsaan (DK)











3

KONSEP PEMBANGUNAN

3.1 KONSEP PEMBANGUNAN




PETUNJUK



1. Jarak Laluan Pejalan Kaki dan Basikal Fasa 1 – 500 Meter/ 0.5 Kilometer
(Penyelenggaraan Kemudahan Fasilitas)
 2. Jarak Laluan Pejalan Kaki dan Basikal Fasa 2 – 1,400 Meter/ 1.4 Kilometer
 3. Jarak Laluan Pejalan Kaki dan Basikal Fasa 3 – 1,200 Meter/ 1.2 Kilometer
 4. Jarak Laluan Pejalan Kaki dan Basikal Fasa 4 – 500 Meter/ 0.5 Kilometer
- Jarak Laluan Pejalan Kaki dan Basikal Keseluruhan – 3,600 Meter/ 3.6 Kilometer

3.2 PERINCIAN CADANGAN DENAI KEBANGSAAN (DK)



VIEW

DATE RECEIVED


L



**CADANGAN PELAN SUSUN ATUR PROJEK
DENAI KEBANGSAAN, PARIT SRI MOLEK,
BATU PAHAT, JOHOR.**

En Mohd Khairuz bin Muinip Pegawai Khas Pejabat Projek Zon Selatan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PAMMajlis)			
SKALA	SHOW	TARIKH	JUN 2024
NO. PELAN	PRZSP/PEBL/01	PELUS PELAN	WAN MUIEN



3.2 PERINCIAN CADANGAN DENAI KEBANGSAAN (DK)



FASA 1



**CADANGAN PELAN SUSUN ATUR PROJEK
DENAI KEBANGSAAN, PARIT SRI MOLEK,
BATU PAHAT, JOHOR.**




En Hefez Khairul bin Marip Pejabat Projek, Zon Selatan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (TAMMSPG)				JUN 2024
SKALA	SHOW	TASK/CI	PELUKUS PELAN	WAN MUEN
NO. PELAN	PRZ/SP/KBL/01			

3.2 PERINCIAN CADANGAN DENAI KEBANGSAAN (DK)





3.2 PERINCIAN CADANGAN DENAI KEBANGSAAN (DK)



Tidak dicadangkan laluan denai



**CADANGAN PELAN SUSUN ATUR PROJEK
DENAI KEBANGSAAN, PARIT SRI MOLEK,
BATU PAHAT, JOHOR.**



En Minda Kristian bin Muzrip Pangurus Projek Pegawai Projek Zon Selatan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (Jambas)			
SKALA	SHOW	TARIKH	JUN 2024
NO. PELAN	PZS/PTK/BL/II	PELUSUP PELAN	WAN MUIEN





— Tidak dicadangkan laluan denai



FASA 4		
PETUNJUK :		
	KOMPONEN	UNIT
	Laluan Pejalan Kaki & Basikal	1.5m x 0.5km
	Tempat Duduk	4
	Pondok Rehat	1
	Bollard	4
	Lampu Jalan	4
	'Arrow Signage'	2

LAIN-LAIN :

- ☐ Part Monsun (Rizab Parit)
- ☐ 'Sifeback' JPS
- ☐ Sempadan Parit
- ☐ Tidak dicadangkan
- ☐ laluan denai




**CADANGAN PELAN SUSUN ATUR PROJEK
DENAI KEBANGSAAN, PARIT SRI MOLEK,
BATU PAHAT, JOHOR.**












En Mafar Khairuz bin Maipip Pegawai Khas Kerajaan Pejabat Projek Zon Selatan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PAMMajlis)			
SKALA	SHOW	TARIKH	JUN 2024
NO. PELAN	PZ22/PPKBL/01	PELUS PELAN	WAN MUEN


3.2 PERINCIAN CADANGAN DENAI KEBANGSAAN (DK)



3.2 PERINCIAN CADANGAN DENAI KEBANGSAAN (DK)




En route Koning bij Montip Peijbat Project Zon Solair Jachter Penningen Baster dan Doss (PLANMussys)			
SKALA	SHOW	TARKH	JUN 2024
NO. PLAN	PEZSPTKBL 01	PELUSIS PLAN	WAN MUSEN



**CADANGAN PELAN SUSUN ATUR PROJEK
DENAI KEBANGSAAN, PARIT SRI MOLEK,
BATU PAHAT, JOHOR.**



3.2 PERINCIAN CADANGAN DENAI KEBANGSAAN (DK)



CADANGAN PELAN SUSUN ATUR PROJEK
DENAI KEBANGSAAN, PART SRI MOLEK,
BATU PAHAT, JOHOR.

En Mohd Khairul bin Mustapa Pengerusi Projek Projek Denai Kebangsaan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLAN Malaysia)		TARIKH JUN 2024
SKALA NO. PELAN	SKALA NO. PELAN	TARIKH JUN 2024

3.3 PERINCIAN REKA BENTUK KOMPONEN

Reka bentuk Penghadang/Bollard

Konsep reka bentuk penghadang atau *bollard* adalah menggunakan imej ukiran dengan unsur-unsur bunga-bunga pada songket Johor dan identiti tempatan dan tertakluk kepada penyesuaian jenis penghadang yang sesuai untuk digunakan sepanjang Parit Sri Molek.

Elemen penghadang/*bollard* ini perlu dilaksanakan dengan imej reka bentuk dan cadangan peletakan seperti berikut:

1

Disediakan dengan reka bentuk yang bersesuaian dengan tema dan imej kawasan seperti di kawasan pentadbiran, komersial, keagamaan, kawasan rekreasi, pusat bandar dan lain-lain

2


Menyediakan penghadang di tempat-tempat yang bercerun dan berbahaya kepada pengguna terutama di laluan golongan kurang upaya

3

Reka bentuk yang tajam dan nipis yang akan membahayakan pengguna adalah tidak dibenarkan

Railing: Konsep Ukiran dan Bunga Tanjung

Alternatif 1




Alternatif 2



Alternatif 3



Bollard: Konsep Ukiran dan Bunga Tanjung



4

Menerapkan imej bagi unsur-unsur tradisional dan identiti tempatan dalam reka bentuk penghadang

5

Menggunakan bahan yang tahan lama untuk mengelakkan mengurangkan kadar penyelenggaraan

3.3 PERINCIAN REKA BENTUK KOMPONEN

Reka Bentuk Laluan Pejalan Kaki dan Basikal



Wujudkan sistem laluan pejalan kaki yang berterusan bagi menghubungkan kawasan kejiranan, ruang awam, pusat aktiviti, nod pengangkutan dan di integrasikan dengan jalan-jalan di dalam bandar.

Laluan pejalan kaki dan basikal adalah laluan/jalan/ruang/siar kaki/lorong khas berturap yang direkabentuk atau disediakan khusus untuk kegunaan pejalan kaki dan basikal. Penyediaan laluan ini adalah penting dalam mewujudkan rangkaian laluan yang berhubung di samping mewujudkan interaksi sosial dalam sesebuah komuniti

Elemen Laluan pejalan kaki dan basikal yang disediakan sepanjang Parit Sri Molek:

1. Penyediaan tempat duduk dan lampu yang teratur
2. Penyediaan penghadang pinggir sungai
3. Penyediaan pokok teduhan

Menyediakan laluan pejalan kaki / laluan basikal di antara nodus-nodus samada:



3.3 PERINCIAN REKA BENTUK KOMPONEN

Reka Bentuk Landskap Lembut (*softscape*)

Pemilihan jenis tanaman adalah bergantung kepada kesesuaian dan fungsi ruang tanaman. Secara umumnya, pokok utama hendaklah diberi keutamaan dalam penggunaan elemen landskap lembut kerana ianya akan memberi kesan teduhan yang lebih ketara dalam meningkatkan kualiti alam sekitar.

Pembahagian dan fungsi penggunaan ruang landskap adalah bergantung pada jenis tanah lapang dan kawasan rekreasi (rujuk piawaian perancangan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) – Kawasan Tanah Lapang dan Taman Rekreasi).

Penanaman pokok yang berdaya tahan terhadap persekitaran sungai seperti *Dillenia suffruticosa* (Simpoh Air) dan *Salix babylonica* (Janda Merana) bagi meningkatkan nilai estatika dan kualiti pemandangan kawasan.

Sungai – Meliputi karakter pokok daripada spesis tanaman yang mampu hidup dan beradaptasi dengan air pasang surut berhampiran dengan laut dan muara sungai. Tumbuhan-tumbuhan ini juga berfungsi sebagai zon penampakan antara sungai dengan gunatanah lain di sekitarnya serta menyerap pencemaran sungai yang sering berlaku.




Gambaran keseluruhan pembangunan landskap kawasan Denai Kebangsaan Parit Sri Molek



Salix Babylonica
(Janda Merana)



Dillenia suffruticosa
(Simpoh Air)



Contoh keratan yang meliputi pantai, sungai, kawasan tepu bina dan hutan





4

ANGGARANKOS PEMBANGUNAN

4.1 ANGGARAN KOS KESELURUHAN

FASA 1

BIL.	PERKARA	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Kerja Pembersihan Tapak		15,000.00	15,000.00
2.	Lampu Jalan - Solar system - 3000mm(t)	2	1,500.00	3,000.00
3.	Papan Tanda Arah - 600x600mm (Plate Bulat) - 2000mm(t)	2	300.00	600.00
4.	Arca Selamat Datang - 1000x600mm (Concrete) - 20mm PVC Form Board	1	10,000.00	10,000.00
5.	Bollard - 800mm(t) - Lightweight Aluminum	4	450.00	1,800.00
6.	Element of Street - 2000mm(t)	1	1,000.00	1,000.00
JUMLAH KESELURUHAN				31,400.00

*Nota

Tertakluk kepada harga bahan di pasaran dan kiraan semasa

*Nota kiraan Premix(Tar)

$\text{Kos } 1\text{m}^2 = \text{panjang} \times \text{lebar} \times \text{tebal} \times \text{ketumpatan} \times \text{harga 1 meter} = \text{Kos} / \text{m}^2$

4.1 ANGGARAN KOS KESELURUHAN

FASA 2

BIL.	PERKARA	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Kerja Pembersihan Tapak - Proses memotong Pokok - Proses <i>Leveling</i> Tanah		35,000.00	35,000.00
2.	Laluan Pejalan Kaki dan Basikal - 1500mm(Lebar) - <i>Premix(Tar)/Bitumen</i>	Jarak 1400m (Panjang) x 1.5m (Lebar)		1,260,000.00
3.	Lampu Jalan - <i>Solar system</i> - 3000mm(t)	4	1,500.00	6,000.00
4.	Pagar Penghalang - 1000mm(t) - <i>Stainless Steel</i>	1,400m (Panjang)	800.00 (2000x1000mm)	560,000.00
5.	Jambatan - 1800mm(L) - <i>Stainless Steel/checker plate</i> - 1000mm(t) <i>Railing</i>	1	150,000.00	150,000.00
6.	Kerusi Rehat - 450mm (t) - <i>Marble Stone</i>	4	600.00	2,400.00
6.	Papan Tanda Arah - 600x600mm (Plate Bulat) - 2000mm(t)	4	300.00	1,200.00
7.	Pondok Rehat - 3000mm(t) - <i>Concrete Based</i> - <i>Roof Tiles</i>	2	3000mm(T) x 3000mm(L) 8,000.00	16,000.00
8.	<i>Bollard</i> - 800mm(t) - <i>Lightweight Aluminum</i>	8	450.00	3,600.00
9.	<i>Element of Street</i> - 2000mm(t)	1	1,000.00	1,000.00
10.	Papan Tanda (information) - 2000mm(t) x 1000mm(L) - <i>Aluminum Plate</i>	2	1,000.00	2,000.00
11.	Pokok Landskap	50	100.00	5,000.00
JUMLAH KESELURUHAN				2,042,200.00

*Nota

Tertakluk kepada harga bahan di pasaran dan kiraan semasa

*Nota kiraan *Premix(Tar)*

Kos 1m² = panjang x lebar x tebal x ketumpatan x harga 1 meter = Kos / m²

4.1 ANGGARAN KOS KESELURUHAN

FASA 3

BIL.	PERKARA	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Kerja Pembersihan Tapak - Proses memotong Pokok - Proses <i>Leveling</i> Tanah		35,000.00	35,000.00
2.	Laluan Pejalan Kaki dan Basikal - 1500mm(Lebar) - <i>Premix(Tar)/Bitumen</i>	Jarak 1200m (Panjang) x 1.5m (Lebar)		1,080,000.00
3.	Lampu Jalan - <i>Solar system</i> - 3000mm(t)	5	1,500.00	7,500.00
4.	Pagar Penghalang - 1000mm(t) - <i>Stainless Steel</i>	1,200m (Panjang)	800.00 (2000x1000mm)	480,000.00
5.	Jambatan - 1800mm(L) - <i>Stainless Steel/checker plate</i> - 1000mm(t) Railing	1	150,000.00	150,000.00
6.	Kerusi Rehat - 450mm (t) - <i>Marble Stone</i>	5	600.00	3,000.00
6.	Papan Tanda Arah - 600x600mm (Plate Bulat) - 2000mm(t)	3	300.00	900.00
7.	Pondok Rehat - 3000mm(t) - <i>Concrete Based</i> - <i>Roof Tiles</i>	2	3000mm(T) x 3000mm(L) 8,000.00	16,000.00
8.	Arca Selamat Datang - 1000x600mm (Concrete) - 20mm PVC Form Board	1	10,000.00	10,000.00
9.	<i>Bollard</i> - 800mm(t) - <i>Lightweight Aluminum</i>	6	450.00	2,700.00
10.	<i>Element of Street</i> - 2000mm(t)	1	1,000.00	1,000.00
11.	Papan Tanda (information) - 2000mm(t) x 1000mm(L) - <i>Aluminum Plate</i>	2	1,000.00	2,000.00
12.	<i>Parking Sementara</i>	605.35 m2		242,140.00
13.	Pokok Landskap	50	100.00	5,000.00
JUMLAH KESELURUHAN				2,035,240.00

*Nota

Tertakluk kepada harga bahan di pasaran dan kiraan semasa

*Nota kiraan *Premix(Tar)*

Kos 1m² = panjang x lebar x tebal x ketumpatan x harga 1 meter = Kos / m²

4.1 ANGGARAN KOS KESELURUHAN

FASA 4

BIL.	PERKARA	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Kerja Pembersihan Tapak - Proses memotong Pokok - Proses <i>Leveling</i> Tanah		15,000.00	15,000.00
2.	Laluan Pejalan Kaki dan Basikal - 1500mm(Lebar) - <i>Premix(Tar)/Bitumen</i>	Jarak 500m (Panjang) x 1.5m (Lebar)		450,000.00
3.	Lampu Jalan - <i>Solar system</i> - 3000mm(t)	4	1,500.00	6,000.00
4.	Kerusi Rehat - 450mm (t) - <i>Marble Stone</i>	4	600.00	2,400.00
5.	Papan Tanda Arah - 600x600mm (Plate Bulat) - 2000mm(t)	2	300.00	600.00
6.	Pondok Rehat - 3000mm(t) - <i>Concrete Based</i> - <i>Roof Tiles</i>	1	3000mm(T) x 3000mm(L) 8,000.00	8,000.00
7.	<i>Bollard</i> - 800mm(t) - <i>Lightweight Aluminum</i>	4	450.00	1,800.00
8.	Pokok Landskap	50	100.00	5,000.00
JUMLAH KESELURUHAN				488,800.00

FASA 1	RM 31,400.00
FASA 2	RM 2,042,200.00
FASA 3	RM 2,035,240.00
FASA 4	RM 488,800.00
JUMLAH KESELURUHAN FASA 1+2+3+4	RM 4,597,640.00
KOS DI LUAR JANGKA	10% RM 459,764.00
CUKAI PERKHIDMATAN	8% RM 367,811.00
JUMLAH KESELURUHAN	RM 5,425,215.00

*Nota
Tertakluk kepada harga bahan di pasaran dan kiraan sama

*Nota kiraan *Premix(Tar)*
Kos 1m² = panjang x lebar x tebal x ketumpatan x harga 1 meter = Kos / m²



5

MEKANISMA PELAKSANAAN

5.1 PELAKSANAAN PROJEK

LOKASI CADANGAN	KELUASAN/JARAK	ANGGARAN KOS (RM)
FASA 1	500 meter	5,425,215.00
FASA 2	1,400 meter	
FASA 3	1,200 meter	
FASA 4	500 meter	

**rujuk pelan konsep pembangunan*

AGENSI TERLIBAT:



Jabatan Kerajaan
Tempatan



Jabatan
Landskap Negara



Pejabat
Daerah Batu Pahat



Jabatan
Pengairan dan Saliran

AGENSI PELAKSANA:



Majlis Perbandaran
Batu Pahat

KEY SUCCESS FACTOR



Pemilikan Tanah



Kesesuaian Lokasi



Reka Bentuk



Kewangan



Keperluan
Pengguna







6

KESIMPULAN

6.1 KESIMPULAN

Secara kesimpulan, Pelan Tindakan Khas Bandar yang dihasilkan akan dapat membantu Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) untuk melaksanakan cadangan Denai Kebangsaan (DK) yang terletak di Parit Sri Molek, Batu Pahat, Johor. Sebanyak lima (5) komponen pembangunan utama yang telah dicadangkan iaitu:

Cadangan laluan pejalan kaki dan basikal di sepanjang rizab Sungai Parit Sri Molek ke Sungai Batu Pahat.



Menambah elemen landskap kejur seperti tempat duduk, system pencahayaan dan penghadang Sungai bagi tujuan keselesaan



Menyediakan laluan jejantas pejalan kaki yang menghubungkan kawasan perumahan bersebelahannya



Penanaman pokok yang berdaya tahan terhadap persekitaran sungai seperti *Dillenia Suffruticosa* (Simpoh Air) dan *Salix Babylonica* (Janda Merana) bagi meningkatkan nilai estatika dan kualiti pemandangan kawasan



Menggalakkan aktiviti-aktiviti riadah yang dapat meningkatkan kesedaran dalam menghayati alam semula jadi seperti pendidikan tentang sungai, pameran denai sungai dan gotong-royong di darat dan sepanjang Parit Sri Molek



Penyediaan Laporan Pelan Tindakan Khas Bandar (PTKB) bagi cadangan projek Denai Kebangsaan Parit Sri Molek, Batu Pahat, Johor dapat membantu pihak MPBP mempercepatkan pelaksanaan projek yang digariskan dalam Pelan Tindakan Pembangunan Landskap yang dinyatakan dalam Kajian Pelan Induk Landskap Majlis Perbandaran Batu Pahat 2023-2033 kerjasama Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi pelaksana termasuk PLANMalaysia melalui Pejabat Projek Zon Selatan (PPZS) dan PLANMalaysia Johor

Laporan PTKB ini menterjemahkan dan memperincikan cadangan projek dengan menyediakan pelan-pelan cadangan susun atur yang terperinci, mengenal pasti komponen-komponen cadangan yang bersesuaian, cadangan-cadangan perspektif dan anggaran kos pembangunan bagi memudahkan Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi pelaksana seterusnya dapat mempercepatkan pelaksanaan mengikut fasa yang ditetapkan dalam RT

Melalui penyediaan PTKB ini, jabatan berharap program *Localising* dan merakyatkan Rancangan Pemajuan dapat memberi manfaat kepada penduduk dan komuniti selaras dengan peranan Jabatan di peringkat 4th Tier Planning hierarki perancangan




6.2 WAY FORWARD


Way Forward



Menyediakan Laporan Pelan Tindakan Khas Bandar Denai Kebangsaan Parit Sri Molek, Batu Pahat, Johor yang mengandungi pelan cadangan susun atur dan anggaran kos pelaksanaan kepada MPBP untuk mendapatkan pembiayaan peruntukan.



6.3 LAMPIRAN




Jalan Dedaru: Gambaran Ilustrasi Cadangan Denai Kebangsaan Parit Sri Molek Di Jalan Dedaru (Fasa 1)



Jalan Dedaru: Gambaran Ilustrasi Cadangan Denai Kebangsaan Parit Sri Molek Di Jalan Dedaru (Fasa 1)

6.3 LAMPIRAN




Jalan Dedaru: Gambaran Ilustrasi Cadangan Denai Kebangsaan Parit Sri Molek Di Jalan Dedaru (Fasa 1)



Berdekatan Jalan Merawan: Gambaran Ilustrasi Pokok Janda Merana (Salix Babylonica) Cadangan Denai Kebangsaan Parit Sri Molek di Jalan Merawan (Fasa 1)

6.3 LAMPIRAN



Jalan Bedara: Gambaran Ilustrasi Perspektif Cadangan Denai Kebangsaan Parit Sri Molek di Jalan Merawan (Fasa 1)



Jalan Dedaru: Gambaran Ilustrasi Menghala ke Fasa 2 Cadangan Denai Kebangsaan Parit Sri Molek Di Jalan Dedaru (Fasa 1)

6.3 LAMPIRAN



Gambaran Ilustrasi Pondok Rehat di Cadangan Denai Kebangsaan Parit Sri Molek (Fasa 2)




Gambaran Ilustrasi *Element of Street* di Cadangan Denai Kebangsaan Parit Sri Molek (Fasa 2)

6.3 LAMPIRAN




Gambaran Ilustrasi Jambatan Baharu di Cadangan Denai Kebangsaan Parit Sri Molek (Fasa 2)




Jalan Balau: Gambaran Ilustrasi di Jalan Balau bagi tujuan ketersambungan pejalan kaki/basikal (Fasa 2)

6.3 LAMPIRAN



Jalan Balau: Ilustrasi *Traffic Calming* di Jalan Balau bagi tujuan ketersambungan pejalan kaki/basikal



Gambaran Ilustrasi *Element of Street* di Cadangan Denai Kebangsaan Parit Sri Molek (Fasa 3)

6.3 LAMPIRAN




Berhampiran Jalan Tenggiri : Gambaran Ilustrasi *Element of Street* di Cadangan Denai Kebangsaan Parit Sri Molek (Fasa 3)




Berdekatan Jalan Tenggiri: Gambaran Ilustrasi Jambatan Baharu bagi Cadangan Denai Kebangsaan Parit Sri Molek (Fasa 3)

6.3 LAMPIRAN




Jalan Bukit Pasir: Gambaran Ilustrasi Arca 'Selamat Datang' bagi Cadangan Denai Kebangsaan Parit Sri Molek di Jalan Bukit Pasir



Jalan Bukit Pasir: Ilustrasi Cadangan Denai Kebangsaan Parit Sri Molek (Fasa 3) dari Jalan Bukit Pasir

6.3 LAMPIRAN



Jalan Bukit Pasir: Gambaran Ilustrasi bagi Cadangan Denai Kebangsaan Parit Sri Molek di Jalan Bukit Pasir (Fasa 3)



Berdekatan Jalan Riang: Gambaran Ilustrasi bagi Cadangan Denai Kebangsaan Parit Sri Molek (Fasa 3)

6.3 LAMPIRAN



Berdekatan Jalan Riang: Gambaran Ilustrasi bagi Cadangan Denai Kebangsaan Parit Sri Molek (Fasa 4)



Berdekatan Jalan Lorong Timah 1: Gambaran Ilustrasi bagi Cadangan Denai Kebangsaan Parit Sri Molek (Fasa 4)



PLANMalaysia
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

